

# CATALYST



## *International Conference on Active Learning (ICAL 2012)*

*m.s. 16*

## *Problem Based Learning*

*m.s. 18*

## *PBL : Rekabentuk Senario Masalah*

*m.s. 19*

## *Mobile Pedagogical Agent*

*m.s. 20*

LB  
2331  
.C37  
2012  
a  
v6



# Kandungan

Kandungan, Sidang Redaksi	2
Carta Pengurusan	3
Bingkisan Bicara Pengarah	4
Coretan Ketua Editor	4
Jasa Dikenang	5
Sepanjang Tabir 2011	6
Problem Based Learning	18
PBL: Rekabentuk Scenario Masalah Teori	19
Mobile Pedagogical Agent	20
Lelaki Sebagai Pemimpin	22
Galeri 2012	24
Kalendar Aktiviti Latihan	26

PERPUSTAKAAN Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Kawalan	No. Panggilan
0000040276	LB 2331
Tarikh	.C37
31 JAN 2013	

LB2331 .C37 2012 v6



87515876



**PENASIHAT**  
PROF. MADYA DR. SYED NAJMUDDIN  
BIN SYED HASSAN

**KETUA EDITOR**  
DR. HJH. NORASIKEN BINTI BAKAR

**EDITOR**  
PN. ERNI SUHADAH BINTI MOD HUSIN  
PN. MARIANA BINTI JELANI  
EN. MOHAMMAD ISHAM BIN ISHAK  
EN. SHAHRIZAN BIN SAM  
PN. NOR AZLINA BINTI MD ARIS

**PEMBACA PRUF**  
CIK NORAZAH BINTI MOHAMED YAZID

**JURUGAMBAR**  
EN. JASMI BIN JOHARI



# Carta Pengurusan



**PENGARAH**  
PROF. MADYA DR. SYED NAJMUDDIN  
BIN SYED HASSAN



**TIMBALAN PENGARAH**  
DR. HJH. NORASIKEN BINTI BAKAR



**PENOLONG PENDAFTAR**  
CIK NORAZAH BINTI MOHAMED YAZID



**SETIAUSAHA PEJABAT**  
PN. ERNI SUHADAH BINTI MOD HUSIN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



**PEMBANTU TADBIR (P/O)**  
EN. SHAHRIZAN BIN SAM



**PEMBANTU TADBIR (P/O)**  
PN. MARIANA BINTI JELANI



**JURUTEKNIK KOMPUTER**  
EN. MOHAMMAD ISHAM BIN ISHAK



**PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)**  
PN. NOR AZLINA BINTI MD ARIS



**PEMBANTU AM PEJABAT**  
EN. JASMI BIN JOHARI



## Assalamualaikum wbt. dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah, syukur kita ke hadirat Allah S.W.T kerana atas limpah rahmatNya dapat kita sekali lagi bertemu dalam Buletin Catalyst PPP bagi Edisi ke 6 ini. Setiap helaian majalah berwarna ini memaparkan kitaran aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun 2012. Ianya juga merupakan naskah terbitan tahunan yang sentiasa bernyawa, senada matlamat serta misi dan visi Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) dalam merealisasikan matlamat dan hasrat Universiti dalam memastikan staf akademik Universiti sentiasa kompeten dari segi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).

UTeM sebagai sebuah universiti berfokus mengambil langkah proaktif dalam mempromosikan pengamalan terbaik dalam P&P dengan menawarkan program pendidikan antarabangsa melalui implementasi Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE). Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, menjadi peranan dan tanggungjawab PPP memastikan staf akademik UTeM mencapai tahap kualiti dalam P&P yang ditetapkan oleh UTeM. Maka program latihan berkaitan P&P tahun 2012 dirancang dengan lebih komprehensif berdasarkan 5 **kluster** iaitu **pedagogi P&P, penyampaian dalam P&P, pengukuran, pentaksiran dan penilaian, keserjanaan dan pengurusan akademik**. Perancangan program latihan yang berterusan untuk staf akademik ini disusun mengikut **kluster, attribute** dan **level** yang mampu memperkaya serta meningkatkan kemahiran staf akademik dalam bidang P&P seterusnya memenuhi keperluan kerjaya staf akademik selama berkhidmat di UTeM.

Pada tahun 2012, PPP telah menganjurkan 32 program latihan termasuk 1 persidangan antarabangsa iaitu International Conference on Active Learning (ICAL 2012).

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Melaka buat julung kalinya telah menganjurkan Persidangan Peringkat Antarabangsa pada 18 hingga 20 September 2012. International Conference on Active Learning (ICAL 2012) dengan tema *Harnessing for Transformation of Best Practice in Education* telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Jawatankuasa Pelaksana Persidangan iaitu Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) UTeM, Active Learning Team, MEIPTA serta AJK Conference ICAL di atas komitmen dan kesungguhan untuk menganjurkan persidangan ini yang bukan sahaja menepati sasaran aspek pendidikan global malah turut menyumbang ke arah penambahbaikan yang berterusan, inovasi dan kecemerlangan akademik terutamanya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sejumlah 100 kertas kerja telah pun dibentangkan di sepanjang persidangan ini berlangsung dan kertas kerja yang terpilih mutu persembahannya akan dimasukkan ke dalam *Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education*.

Ini merupakan pencapaian yang harus dibanggakan dalam usaha kita untuk memantapkan lagi sistem akademik di universiti ini dan pastinya ia akan menyumbang kepada keberhasilan pengurusan persidangan lain yang bakal mengambil tempat di dalam tempoh mendatang.

Oleh yang demikian perancangan yang rapi dan tersusun telah dilaksanakan oleh PPP mengikut keperluan setiap ahli akademik di Fakulti mahupun Pusat melalui kutipan data secara talian. Di samping itu, siri bengkel dan mesyuarat turut diadakan dalam memastikan setiap perancangan kursus atau latihan dan aktiviti PPP selaras dengan keperluan dan kehendak Fakulti dan Pusat bagi menjayakan setiap aktiviti dan program tercapai dengan jayanya sepanjang tahun 2012. Semoga segala usaha yang telah dilaksanakan memberi impak yang positif kepada peningkatan pencapaian Universiti ke persada cemerlang, gemilang dan terbilang.



## Coretan Ketua Editor

Dr. HjH Norasiken binti Bakar

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah diucapkan tahniah kepada semua warga PPP yang telah berjaya menerbitkan Buletin Catalyst PPP bagi Edisi ke 6 untuk tatapan dan perkongsian aktiviti PPP sepanjang 2012.

Pada kali ini terdapat 32 aktiviti yang berjaya dianjurkan oleh PPP termasuk dianjurkan persidangan antarabangsa dalam pembelajaran yang aktif. Ucapan persidangan terdiri daripada pakar dari dalam dan luar negara. Persidangan kali ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Jawatankuasa Pelaksana Persidangan iaitu Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) UTeM, Active Learning Team, MEIPTA serta AJK Conference ICAL, di atas komitmen dan kesungguhan untuk dianjurkan persidangan ini yang bukan sahaja menepati sasaran aspek global malah turut menyumbang ke arah penambahbaikan yang berterusan, inovasi dan kecemerlangan akademik terutamanya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Syabas diucapkan atas kejayaan dalam dianjurkan persidangan ICAL 2012 ini.

Di samping itu, Buletin Catalyst merupakan medan perantaraan kepada penulis-penulis yang berbakat bagi membuahkannya satu hasil terbaik untuk menunjukkan kepakaran bidang pengajaran dan pembelajaran.

Akhir kata, syabas kepada ahli sidang reaksi PPP yang menjayakan dan merealisasikan Buletin Catalyst kali ini.





# Jasa Dikenang

Pohon bambu dikelilingi rebung,  
Rebung madu dimasak gulai;  
Tahun bertahun duduk sebambung,  
Jasa baikmu tuan tidak ternilai.

Langit jingga menghitung detik,  
Di hujung garis horizon lautan;  
Bakti budimu mekar berputik,  
Tersema diingatan jadi sanjungan.

Junjungan pegola warnai pagi,  
Ungu dan putih menawan pandangan;  
Walau tidak sebambung lagi,  
Insan cemerlang tiada tandingan.

Merah kesumba menawan hati,  
Mawar hiasan astana agam;  
Semoga terus menghulur bakti,  
Berkhidmat berjasa penuh iltizam.

Kalam ilham permata hati,  
Lontaran indah seorang perawi;  
Jalinan ukhwah tidak terhenti,  
Seusai nyawa terpisah duniawi.





# Sepanjang Tabir 2012



## Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Bil. 1/2012 & Bil. 2/2012

Kursus ini wajib diikuti oleh semua staf akademik di UTeM. Peserta yang hadir penuh ke kursus ini akan dianugerahkan Sijil Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) serta layak dipertimbangkan bagi tujuan pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat. Kursus ini diadakan 2 kali setahun. Pada Bil.1/2012 seramai 93 orang peserta dan pada Bil.2/2012 seramai 78 orang peserta yang telah selesai menghadiri kursus ini. Selepas berjaya mengikuti kursus ini, para peserta akan menjalani proses Penyeliaan P&P di fakulti masing-masing.

## Executive Talk : "Best Teaching Practices In Engineering Education"



Program ini disampaikan oleh Prof. Madya Ir. Hayati binti Abdullah yang merupakan penerima Anugerah Akademik Negara Dalam Pengajaran Kejuruteraan 2010. Ceramah ini membincangkan mengenai amalan-amalan terbaik dengan pendekatan inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Ia membincangkan mengenai strategi, teknik dan aktiviti untuk mengalakkan penglibatan pelajar melalui pembelajaran aktif dan kerjasama semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Peserta yang hadir seramai 198 orang iaitu seramai 131 orang peserta dari UTeM manakala selebihnya 67 orang peserta dari sekolah dan IPT berhampiran.





## Problem Based Learning (PBL) Seminar

Seminar ini dianjurkan pada 2 Februari 2012 (Khamis) yang telah dihadiri seramai 86 orang peserta. Ceramah disampaikan oleh Prof. Lorna Uden dari Staffordshire University, United Kingdom. Seminar ini berkaitan tentang pendekatan Problem Based Learning (PBL) yang merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran di mana para pelajar diberikan masalah daripada senario dunia nyata dan mereka perlu menghasilkan penyelesaian sebenar atau realistik. Aktiviti ini akan melatih para pelajar dalam mengendalikan masalah berfikir secara kritis serta mengembangkan inisiatif dalam diri pelajar dan penerokaan ilmu yang luas. Selain itu, seminar ini juga menerangkan kepentingan dan bagaimana penafsiran dibuat dalam PBL.



## Kursus Penyeliaan Diploma dan Ijazah

Kursus ini telah diadakan pada 13 Februari 2012 dan telah dihadiri seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai fakulti. Kursus ini dapat memberikan kefahaman dan jangkaan penyelia dalam menjalani aktiviti penilaian. Selain itu, dapat menerangkan tujuan projek semesta akhir serta proses dalam mengendalikan projek kejuruteraan dengan baik. Kursus ini juga dapat dijadikan sebagai panduan dalam penilaian dan penyeliaan.





## Kursus Student Centered Learning (SCL)

Kursus ini telah diadakan pada 14 -16 Februari 2012 di Bilik PBL, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Kampus Bandar serta dihadiri seramai 33 orang peserta. Kursus ini dikendalikan oleh 2 orang penceramah iaitu Prof. Madya Dr. Khairiyah binti Mohd Yusof dan Dr. Naziha binti Ahmad Azli. Kursus ini memberikan pengenalan ringkas kepada konsep pembelajaran berasaskan masalah (PBL) yang digunakan di dalam makmal. Peserta dapat memperoleh penerangan terperinci mengenai model pelaksanaan PBL dalam makmal. Selain itu, kursus ini menerangkan keperluan dan kepentingan pembelajaran aktif dan koperatif di dalam kelas serta menyelaraskan penilaian hasil berdasarkan formal dan informal seperti yang dikehendaki di bawah OBE.



## Bengkel Pembinaan Item Ujian Berdasarkan Aras Taksonomi Bloom

Bengkel ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Asri bin Selamat dari UTHM dan dihadiri oleh 42 orang peserta. Tujuan bengkel ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta di dalam pengujian ukuran pengajaran. Terdapat pelbagai aspek yang dibincangkan di dalam bengkel iaitu aspek a) teori pengujian, ukuran dan penilaian, (b) ciri-ciri pengujian yang bagus, (c) pengujian dan pengukuran didalam pengajaran, (d) ujian-ujian yang standard, norma dan lengkung normal, (e) konsep kesahihan dan kebolehpercayaan, (f) Bloom Taxonomy dan Test Blue Print, (g) pembinaan pengujian, (h) butir-butir analisis, dan (i) penilaian alternatif. Selain itu, aktiviti individu dan kumpulan akan dijalankan untuk mengaplikasikan teori kepada praktikal.



# OBE Awareness and Learning Outcome: Development & Assessment

Bengkel ini merupakan modul yang dapat meneroka prinsip asas pendidikan yang paling penting bagi mereka bentuk kurikulum di UTeM. Ia bertujuan untuk membantu staf akademik lebih memahami konsep Outcome Based Education (OBE) yang dapat dipraktikkan dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Bengkel ini juga memperkenalkan beberapa idea yang berkaitan dengan OBE yang dapat diterokai dengan lebih mendalam. Peserta akan memahami hubungkait antara Pengajaran dan Pembelajaran dengan menggunakan sistem OBE. Bengkel ini telah diadakan pada 12 & 13 Jun 2012 dan telah dihadiri seramai 40 orang peserta.



## Kursus Soft Skills in Teaching and Learning



Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang pentingnya melaksanakan kemahiran insaniah dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dalam memastikan hasil kualiti dan kebolehpasaran di kalangan siswazah. Para peserta akan didedahkan kepada pelbagai teknik pengajaran dalam melaksanakan kemahiran insaniah dengan tumpuan khusus kepada (SCL) dan Student Centered Learning (SCL) dan Outcome Based Education (OBE).

Peserta dapat mempelajari pelbagai teknik pengajaran dalam melaksanakan kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi, kritikal dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Untuk mencapai objektif kursus, latihan dijalankan dalam kuliah serta penglibatan peserta secara langsung dalam aktiviti kumpulan. Kursus ini telah diadakan di Pusat Konvensyen, Kampus Bandar, UTeM dan telah dihadiri seramai 39 orang peserta dari pelbagai fakulti.





## “Program Lonjakan Akademik” Neuro Linguistic Programming (NLP) Bil. 1/2012

Kursus ini adalah anjuran bersama Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) dan Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar pada 23 hingga 25 April 2012 (Jumaat – Ahad) di Ancasa All Suites & Resort, Negeri Sembilan. *Neuro Linguistic Programming* atau NLP secara mudahnya adalah pengkajian sikap dan metodologi manusiawi dalam berfikir dan berkomunikasi. Modul Spiritual NLP ini merupakan modul yang berkaitan gelombang otak serta kefahaman spiritual yang diolah oleh Dr. Azhar bin Sarip dalam program Soul Power Mastery. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membentuk sistem komunikasi yang tepat lagi berkesan. Peserta diajar bagaimana untuk sentiasa duduk dalam keadaan positif biarpun dalam kemelut masalah. Hasilnya setiap permasalahan akan lebih jelas kelihatan jalan keluarnya. Program ini telah dihadiri seramai 48 orang peserta dari pelbagai fakulti di UTeM.



## Kursus Managing Effective Communication In Different Contexts

Kursus ini dapat melatih pensyarah dalam kemahiran komunikasi yang lebih baik dalam proses pengajaran. Para peserta dapat mempelajari cara untuk menguruskan gaya komunikasi mereka dalam pelbagai konteks. Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran peserta akan dapat mempelajari cara komunikasi antara pensyarah dan pelajar bukan sahaja di dewan kuliah, semasa tutorial tetapi juga di tempat – tempat awam. Kursus ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Supyan bin Hussin dari Universiti Kebangsaan Malaysia a (UKM) dan telah dihadiri seramai 29 orang peserta.







## Bengkel Project Oriented Problem-Based Learning (POPBL)

Bengkel ini telah disampaikan oleh Dr. Afandi bin Ahmad dari UTHM dan telah dihadiri seramai 26 orang peserta. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk melibatkan peserta dalam pembelajaran yang berorientasikan POPBL melalui tiga isu utama iaitu apa, mengapa dan bagaimana? Peserta melalui pelbagai aktiviti berkumpul termasuklah pembentukan kumpulan, perbincangan, pembentangan, penilaian dan refleksi. Mereka juga berpeluang untuk mereka bentuk, menilai dan menguruskan POPBL dalam kursus dan pelajar mereka.



## Application ICT in Teaching and Learning Workshop


Bengkel ini bertujuan mendedahkan kepada para peserta penggunaan teknologi semasa iaitu Raptivity dan Camtasia yang boleh digunakan dalam menyediakan persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran yang lebih aktif dan interaktif. Ini dapat membantu dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada pelajar dan memberi kesan yang lebih mendalam kepada pembelajaran yang positif. Bengkel ini telah disampaikan oleh syarikat Universal IT Solution Sdn. Bhd. dihadiri seramai 33 orang peserta.





## Kursus Counseling In Teaching And Learning (T&L) Siri 1

Ceramah disampaikan oleh Prof. Zuria binti Mahmud dan dihadiri seramai 40 orang peserta. Kursus ini bertujuan memperkenalkan jenis motivasi, faktor – faktor yang mempengaruhi motivasi dan juga kemahiran asas kaunseling. Pelbagai teknik untuk mengawal dan melayan pelajar diperlukan bagi mempengaruhi pelajar untuk menyerap proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mudah.



## Kursus OBE Assessment (Closing The Loop)

Kursus ini merupakan proses utama dalam mereka bentuk kurikulum dan perancangan penilaian dalam Outcome Based Education (OBE). Peserta dapat memilih cara penilaian yang sesuai dan menyediakan kriteria untuk Hasil Pembelajaran Program (PO) dan Hasil Pembelajaran Kursus (CO). Penceramah yang dijemput untuk memberikan ceramah bagi kursus ini adalah Prof. Dr. Shahrin bin Mohamad yang merupakan Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan dihadiri seramai 43 orang peserta.







## Program Executive Talk: Learning Engagement And Motivation

Penceramah jemputan bagi program ini adalah Prof. Dr. Rosna binti Awang Hashim yang merupakan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Universiti Utara Malaysia (UUM). Program ini membincangkan tentang seorang ahli akademik yang ingin menjadi guru yang berkesan mereka perlulah mengamalkan kualiti pengajaran yang akan menyokong dan mengubah pembelajaran pelajar mereka dengan lebih bermakna. Sesi ini menyediakan persekitaran yang interaktif dan *collegial* di mana peserta mempunyai peluang untuk mewujudkan kesedaran dan menjana pengetahuan mengenai pengalaman pembelajaran pelajar. Peserta yang menghadiri program ini seramai 92 orang iaitu 75 orang staf UTeM manakala 17 orang dari IPT yang berdekatan.

## Bengkel Informal dan Formal Cooperative Learning

Bengkel ini bertujuan merangka dan mereka bentuk teknik – teknik pembelajaran koperatif formal tidak formal semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Peserta akan dapat melaksanakan teknik-teknik dan konsep pembelajaran koperatif formal tidak formal serta dapat menghuraikan pentingnya pembelajaran aktif dalam bilik kuliah dan makmal. Selain itu, modul ini juga menerangkan mengenai elemen – elemen, teknik, rubrik penilaian dan bagaimana pelaksanaan pembelajaran koperatif secara formal dapat dilaksanakan. Bengkel ini telah dihadiri seramai 28 orang peserta dari UTeM dan 4 orang peserta dari IPT yang berhampiran.







## Kursus Academic Ethics and Integrity

Program ini telah disampaikan oleh Dato Dr. Hj. Mohd Fadzilah bin Kamsah dan telah dihadiri seramai 81 orang peserta. Program ini bertujuan meningkatkan profesionalisme serta menilai tahap integriti akademik. Kepentingan integriti bukan sekadar pemangkin kepada tranformasi tetapi integriti perlu dilihat sebagai satu langkah untuk kejayaan transformasi. Peserta akan dapat melaksanakan anjakan paradigma pada diri sendiri, kerjaya dan tujuan sebagai pendidik. Peserta akan dapat mengamalkan nilai-nilai etika dan integriti akademik dalam Pengajaran dan Pembelajaran.



## Program Wacana Intelpek : Cabaran Dan Isu Pendidikan Alaf Baru

Program ini telah disampaikan oleh 3 ahli panel iaitu Prof. Dr. Mohamed Amin Embi (UKM), Prof. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin (Dekan FTMK) dan Prof. Madya Ir. Hayati binti Abdullah (UTM). Manakala moderator untuk program Wacana Intelpek ini adalah Encik Isma Addi bin Jumbri (FPTT). Program ini membincangkan tentang peranan sistem pendidikan yang sangat penting dalam pembangunan negara. Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang merupakan wahana dalam usaha membangunkan generasi alaf baru. Sistem pendidikan negara memerlukan usaha-usaha yang strategik yang boleh meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalannya ke tahap kualiti yang tinggi dan cemerlang agar dapat menangani cabaran-cabaran abad ke-21. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa sejak dari dahulu lagi cabaran-cabaran dari aspek ekonomi, budaya dan politik itu sudah wujud dan diperbincangkan tetapi kali ini dijangka lebih hebat dan kritikal dengan sumbangan teknologi terkini. Dua cabaran besar alaf baru ialah ledakan ilmu yang berbentuk global dan masalah sosial yang perlu ditangani dan diatasi ke arah membentuk masyarakat madani. Justeru, agenda penting adalah untuk membangunkan rakyat Malaysia melalui sistem pendidikan ialah melalui pembinaan budaya ilmu dan pembudayaan masyarakat. Program ini telah dihadiri seramai 64 orang peserta dari pelbagai fakulti.





## Program Executive Talk: From Lab To Market: Issues And Challenges In Teaching And Learning

Program ini telah disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Halimaton binti Hamdan yang merupakan Naib Canselor, International University for Computing (IUC), Cyberjaya dan telah diadakan pada 28 November 2012 (Rabu) di Auditorium Canselori, Kampus Induk, UTeM. Program ini membincangkan mengenai penyelidikan saintifik dan pembangunan adalah platform inovasi yang membawa kepada perniagaan berasaskan teknologi dan pertumbuhan ekonomi. Para akademik dan penyelidik digalakkan untuk bergerak dengan lebih dekat ke

sempadan teknologi yang membawa kepada pembangunan ekonomi, meneroka inovasi dan menilai keberkesanan strategi untuk memodenkan dan menambah nilai kepada penyelidikan dan industri di Malaysia. Penyelidik di Malaysia ditawarkan peluang untuk melibatkan diri dalam R & D. Isu- isu seperti prestasi dan hakcipta dan pembangunan produk, penyelidikan, kemudahan, sokongan infrastruktur dan modal insan menunjukkan jurang yang ketara antara penyelidikan dan pembangunan perindustrian. Program ini telah dihadiri seramai 42 orang peserta dari pelbagai fakulti.



## Kursus Counseling In Teaching And Learning (T&L) Siri II

Penceramah bagi kursus ini adalah Prof. Zuria binti Mahmud dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kursus ini telah diadakan di Ancasa All suites Resort & Spa Port Dickson, Negeri Sembilan pada 30 November sehingga 2 Disember 2012 (Jumaat - Ahad). Peserta didedahkan dengan memahami jenis-jenis motivasi, faktor - faktor yang mempengaruhi motivasi dan kemahiran asas kaunseling. Peserta juga dapat mempelajari pelbagai teknik bagi mempengaruhi pelajar dalam menyerap proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mudah. Peserta diperkenalkan dan dilatih dengan kemahiran asas kaunseling seperti kemahiran membina hubungan, kemahiran mendengar, kemahiran menyoal, kemahiran parafrasa, kemahiran refleksi perasaan, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran mendepani kesenyapan, kemahiran menyemak persepsi, dan kemahiran konfrantasi. Pengisian kursus ini digubal bagi membolehkan peserta memahami keperluan penguasaan kemahiran kaunseling ke arah menjadi tenaga pengajar yang lebih berkesan. Seramai 27 orang peserta mewakili dari setiap fakulti menghadiri kursus ini.





## INTERNATIONAL CONFERENCE ON ACTIVE LEARNING (ICAL 2012)

oleh Norasiken Bakar

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Melaka buat julung kalinya telah menganjurkan Persidangan Peringkat Antarabangsa pada 18 hingga 20 September 2012. International Conference on Active Learning (ICAL 2012) dengan tema *Harnessing for Transformation of Best Practice in Education* telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Jawatankuasa Pelaksana Persidangan iaitu Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) UTeM, Active Learning Team, MEIPTA serta AJK Conference ICAL, di atas komitmen dan kesungguhan untuk menganjurkan persidangan ini yang bukan sahaja menepati sasaran aspek pendidikan global malah turut menyumbang ke arah penambahbaikan yang berterusan, inovasi dan kecemerlangan akademik terutamanya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai lebih kurang 150 orang peserta yang terdiri daripada kalangan ahli akademik, pentadbir dan pelajar dari peringkat antarabangsa termasuk IPT Malaysia telah pun mengikuti persidangan ICAL 2012. Daripada bilangan itu sejumlah 100 kertas kerja telah pun dibentangkan di sepanjang persidangan ini berlangsung.

Ini merupakan pencapaian yang harus dibanggakan dalam usaha kita untuk memantapkan lagi sistem akademik di universiti ini dan pastinya ia akan menyumbang kepada keberhasilan penganjuran persidangan lain yang bakal mengambil tempat di dalam tempoh mendatang. Kertas kerja yang terpilih mutu persembahannya akan dimasukkan ke dalam dua jurnal iaitu *Malaysian Journal of Educational Technology (M.Jet.)* dan *Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education*.

Tujuan penganjuran International Conference on Active Learning (ICAL 2012) iaitu untuk berkongsi jawapan dan pandangan kepada persoalan-persoalan yang timbul dalam bidang keilmuan; khusus dalam bidang pembelajaran aktif sejajar dengan temanya "*Harnessing for Transformation of Best Practice in Education*", persidangan yang telah dilaksanakan selama 3 hari ini telah membincangkan pelbagai topik yang merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran termasuklah pembelajaran aktif (active learning), pedagogi (Outcome Based Education, Problem Based Learning dan Cooperative Learning), Teknologi dan Kreativiti (Courseware, e-Learning, mobile Learning), Persekitaran Pembelajaran (Learning Style dan Multiple Intelligence), pentaksiran dan penilaian (assessment and evaluation) dan Kemahiran Insaniah.

Semasa pengucap utama persidangan ini pihak UTeM telah menjemput lima (5) pakar dari dalam dan luar Negara yang terdiri daripada:

- Prof. Madya Dr. Khairiyah Mohd Yusof (UTM): *Cooperative Problem based Learning (CPBL): Example of Strategic Integration of Active Learning Techniques for Enhancing Learning.*
- Prof. Dr. Mohamed Amin Embi (UKM): *Engaging University Students in Active m-Learning.*
- Prof. Dr. Wong Lung-Hsiang (Nanyang Technological University, Singapore): *Seamless learning in the age of mobile connectivity.*
- Prof. Dame Dr. Wendy Hall (University of Southampton, England): *The Development of Web Science: A Global Enterprise.*





Manakala semasa bengkel pula, pihak UTeM telah menjemput pakar dari beberapa IPTA lain seperti:

- Prof. Dr. Mohamed Amin bin Embi (UTM): *Mobile Tools/Apps for Engaging Students in Active Learning.*
- Prof. Dr. Baharuddin Aris(UTM): *Meaningful and Interactive Learning Experiences For Generation Y Students.*
- William M Tweedie (IPGDRI Kuala Terengganu, Malaysia): *Activating Prior Knowledge: The first step in Active Learning*

Semasa persidangan tiga(3) pembentangan kertas yang terbaik telah terpilih sebagai penerima Anugerah Kertas Kerja Terbaik (Best Paper Award ICAL 2012) yang teiri daripada:

- **Tempat Pertama:** Using the WBCS System as Complement of Activities in the Classroom oleh Mohamed Ahmed Sullabi dan Zarina Shukur dari UKM.
- **Tempat Kedua:** Active Learning: The PRIME Approach and Method with an Introduction to PRIME Projects oleh William M Tweedie dari IPG, Terengganu.
- **Tempat Ketiga:** Role Interaction Patterns And Its Criteria In Online Discussion Forum Of e-Learning oleh Nadirah Mohamad, Norazah Yusof, Mohd Shahizan Othman, Shaffika Mohd Suhaimi dari UTM.

Semasa persidangan tersebut, sambutan dari pihak institusi Pengajian dari dalam dan luar Negara amat menggalakan, pihak UTeM berharap agar persidangan kali ini dapat membentuk dan juga berkongsi idea tentang teknik-teknik yang berteraskan Outcome Based Education dan persidangan ini akan diadakan lagi pada tahun 2014.

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





# PROBLEM BASED LEARNING

by: Ahmad Sayuthi bin Mohamad Shokri

## What is problem based learning?

